



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 15 / 2023

KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN RAKYAT KAWASAN PARLIMEN P.161 PULAI DAN DEWAN NEGERI N.13 SIMPANG JERAM, JOHOR

1. SPR mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham **YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub** atas kembalinya Allahyarham ke rahmatullah pada **23 Julai 2023 (Ahad)**. Semoga keluarga Allahyarham tabah menghadapi kehilangan orang yang tersayang.

2. Susulan itu, SPR telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Tan Sri Dato' Johari bin Abdul, Yang Dipertua Dewan Rakyat** pada **25 Julai 2023 (Selasa)**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Parlimen P.161 Pulai, Johor**.

3. SPR juga telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Zarkashi, Speaker**

Dewan Negeri Johor pada 25 Julai 2023 (Selasa), berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor.

4. Selaras dengan **Perkara 54 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan** dan **Fasal (5) Perkara 23 Bahagian Kedua, Undang-Undang Negeri Johor, Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895** telah memperuntukkan yang kekosongan luar jangka kerusi **Parlimen P.161 Pulai** dan **Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram Johor**, perlu diisi dalam tempoh **60 hari dari tarikh kekosongan kerusi tersebut.**
5. Sehubungan itu, SPR akan mengadakan satu **Mesyuarat Khas** pada **3 Ogos 2023 (Khamis)**. Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **YBhg. Tan Sri Abdul Ghani Salleh, Pengerusi SPR**, di mana tarikh-tarikh penting **PRK Parlimen P.161 Pulai** dan **PRK Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor** seperti tarikh *Writ* Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan lain-lain persiapan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut akan dibincangkan.

6. Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas Mesyuarat Khas tersebut.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

25 Julai 2023 / 7 Muharam 1445H